

BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH: 11 OKTOBER 2021
(ISNIN)



Malaysia bakal meterai MoU bawa pelaburan RM1.22 bilion di Dubai

Oktoper 11, 2021 @ 11:57pm



(Gambar fail) Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba. - NSTP/AIZUDDIN SAAD

KUALA LUMPUR: Tujuh pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) dianggarkan bakal membawa nilai pelaburan keseluruhan AS\$295 juta (RM1.22 bilion), akan berlangsung antara Malaysia dengan rakan global pada minggu kedua Ekspo 2020 Dubai, menurut Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Dalam satu kenyataan, hari ini, MOSTI menjelaskan ia sekali gus menandakan hubungan kukuh dijalankan Malaysia dengan rakan niaga pada peringkat global.

MoU terbabit ialah antara MYEG Services Bhd dengan Akademi Teknologi Maklumat dan Komunikasi China; antara TechCapital Resources Sdn Bhd dengan Terrabit Consulting DWC-LLC; serta antara TechCapital Resources Sdn Bhd dengan Shaheena Foodstuffs Trading.

MoU lain ialah antara Euro Circuit Technology Sdn Bhd dengan Modern Arab Laboratories LLC; antara Euro Circuit Technology Sdn Bhd dengan Bardawil Specialties

Qatar W.L.L; antara Euro Circuit Technology Sdn Bhd dengan Al Ghad Al Zahir bagi Oilfield Services Ltd, serta GK Aqua Sdn Bhd dengan El Komy.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata program minggu kedua Pavilion Malaysia pada Ekspo 2020 Dubai dikhurasukan untuk syarikat pemula niaga dan ia sejajar strategi MOSTI yang meletakkan syarikat pemula niaga di kedudukan penggerak ekonomi.

"Pavilion Malaysia, bertemakan 'Mencipta Pemula Niaga Mampan Masa Depan', merupakan pameran ekosistem teknologi yang berkembang pesat daripada perspektif pembuat dasar, pelabur dan syarikat pemula niaga terkemuka tempatan.

"Ia juga akan memperkenalkan rancangan Malaysia sebagai hab pelaburan syarikat pemula niaga susulan peluang dan insentif yang tersedia, lokasi strategik, ekosistem tempatan yang berkembang pesat serta infrastruktur komunikasi dan pengangkutan berkelas dunia," katanya dalam kenyataan sama.

Agensi MOSTI, Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), akan berperanan sebagai hos bagi minggu kedua acara antarabangsa itu mulai 11 hingga 15 Oktober ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Cradle Group, Rafiza Ghazali, berkata Ekspo 2020 Dubai adalah peluang bagi semua pihak dari serata dunia untuk mewujudkan jalinan, melalui pengalaman seni, budaya, sains, inovasi dan penciptaan yang terbaik.

"Melalui Ekspo 2020 Dubai, Cradle mencari peluang global untuk ekosistem pemula niaga tempatan," katanya.

Program di Pavilion Malaysia boleh diikuti secara langsung menerusi laman Facebook MOSTI dan Cradle.

Layari www.malaysiaexpo2020.com untuk mengetahui lebih lanjut. – BERNAMA